

## NEWS CLIPPING

EVENT:	CRYSTALS CHARM COLLECTION
PUBLICATION:	KOSMO
PAGE/ SECTION:	NIAGA
DATE:	WEDNESDAY, 9 SEPTEMBER 2015
TIME:	-

# 7-Eleven perkenal koleksi Swarovski

**KUALA LUMPUR** - 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd. menerusi subsidiarinya, 7-Eleven Malaysia Sdn. Bhd. (7-Eleven Malaysia) yang mengendalikan rangkaian kedai serbaneka 24 jam 7-Eleven, memperkenalkan program kesetiaan terbaharu, Koleksi Batu Permata Kristal.

Program tersebut bakal memberi peluang kepada pelanggan untuk memiliki koleksi khas yang diperbuat daripada kristal Swarovski tulen.

Pengarah Eksekutif 7-Eleven Malaysia, Tan U-Ming berkata, koleksi istimewa itu terdiri daripada 14 rekaan batu permata berkualiti tinggi dalam dua atau tiga dimensi yang di-datangkan dalam bungkusan khas.

"Diperbuat daripada kristal Swarovski, rekaan-rekaan batu permata yang ditawarkan secara eksklusif ini termasuk patung beruang teddy, kucing, ikan lumba-lumba dan kotak hadiah, di samping batu pertama misteri serta logo 7-Eleven edisi



**U-MING** (kanan) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pride, Aeron Munajat (kiri) pada majlis pelancaran Koleksi Batu Permata Kristal 7-Eleven Malaysia di Kuala Lumpur baru-baru ini.

terhad yang pasti menambat hati penggemar barangan kemas.

"Selain itu, kami akan menyumbangkan RM1 kepada Yayasan Pride setiap kali pelanggan memuat naik gambar batu permata yang diperolehi

mereka melalui laman sosial Facebook atau Instagram menggunakan hashtag #PrideMalaysia, #CrystalCharm dan #7ElevenMy," katanya menerusi satu kenyataan akhbar di sini baru-baru ini.